

**Dr Mahathir Cabar Najib Tunjuk Akaun Bank  
MStar  
9 Julai 2015**

**PETALING JAYA:** Tun Dr Mahathir Mohamad mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mendedahkan akaun banknya bagi menyangkal dakwaan bahawa dana 1Malaysia Development Bhd dana (1MDB) telah dipindahkan kepada akaunnya.

"Anda (Najib) menafikannya. Mari kita lihat akaunnya," Dr Mahathir memberitahu Jennifer Pak dalam satu temu bual BBC yang disiarkan di laman web media British pada Rabu.

"Apabila orang mengenakan sesuatu ke atas beliau (Najib), beliau berkata ia adalah drama, 'ia adalah karut, ia tidak benar'.

"Tetapi buktikan bahawa ia tidak benar. Sangat mudah baginya untuk membuktikan semua itu tidak benar.

"Beliau mempunyai akaun-akaun di bank ini. Apa yang perlu beliau katakan ialah 'anda periksa akaun saya, dan lihat'," kata Dr Mahathir, bekas perdana menteri selama 22 tahun.

Najib telah menuduh Dr Mahathir menggunakan kontroversi 1MDB itu sebagai satu cara "sabotaj politik" bagi menjatuhkannya.

Malah beliau mendakwa motif Dr Mahathir berbuat demikian kerana keengganannya untuk melaksanakan beberapa rancangan bagi negara ini.

Namun Dr Mahathir telah menafikan dakwaan tersebut.

Dr Mahathir juga menafikan dakwaan Najib bahawa beliau telah bekerjasama dengan pihak asing untuk memaksa Najib keluar.

**Hakcipta Terpelihara © 2015 Star Publications (M) Bhd (Co No 10894-D)**

Source: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/07/09/dr-m-cabar-tunjuk-akaun/>